

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK



(Sila baca dan fahami Lembaran Maklumat Produk ini bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat bagi produk ini sebelum anda memohon atau membuat keputusan untuk mengambil Pembiayaan Berjangka-i Bercagarkan Sijil Amanah Saham Bumiputera (ASB). Dapatkan penjelasan daripada RHB Islamic Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma amnya.)

RHB ISLAMIC BANK BERHAD (680329-V)
Incorporated in Malaysia

PEMBIAYAAN BERJANGKA-i BERCAGARKAN SIJIL ASB


Tarikh : 28/5/2019

1. Apakah produk ini ?

- Ia adalah suatu kemudahan pembiayaan berjangka yang patuh Syariah, dengan mencagarkan Sijil Amanah Saham Bumiputera (ASB).

2. Apakah kontrak Syariah yang diguna pakai untuk produk ini?

Pembiayaan ini adalah berdasarkan konsep Komoditi Murabahah melalui aturan Tawarruq. Komoditi Murabahah merujuk kepada jual beli komoditi sebagai aset dasar bagi mendapatkan wang tunai. Pelanggan akan membuat pembayaran yang mengandungi harga kos dan kadar keuntungan dengan bayaran ansuran tertangguh. Dengan konsep Tawarruq, Pelanggan akan menerima wang tunai sebagai pertukaran bagi komoditi yang dijual kepada pihak ketiga.



Aliran Transaksi:

Pelanggan dan RHB Islamic Bank (selepas ini dirujuk sebagai "Bank") memasuki satu perjanjian di mana Pelanggan berjanji untuk membeli komoditi tertentu atau aset dari Bank. Pelanggan kemudiannya melantik Bank sebagai wakilnya untuk menjual komoditi tersebut untuk mendapatkan wang tunai.

- RHB Islamic Bank akan membeli komoditi daripada Broker A pada harga belian;
- Pemilikan komoditi itu akan dipindahkan kepada RHB Islamic Bank;
- RHB Islamic Bank akan menjual komoditi tersebut kepada Pelanggan pada harga tokokan (harga belian ditambah margin
- Seusai pemilikan komoditi oleh Pelanggan, Pelanggan terdahulu melantik RHB Islamic Bank sebagai wakilnya untuk menjual komoditi tersebut;
- RHB Islamic Bank bertindak sebagai wakil Pelanggan akan menjual komoditi kepada Broker B;
- Broker B akan membeli komoditi pada harga belian yang sama (dibeli oleh Bank daripada Broker A) dan mengkredit bayaran ke akaun RHB Islamic Bank sebagai bukti transaksi jualan;
- Pelanggan akan mengarahkan RHB Islamic Bank untuk membayar hasil transaksi jualan kepada RHB Bank;
- RHB Islamic Bank akan membuat bayaran seperti arahan daripada Pelanggan kepada RHB Bank;
- RHB Bank akan membayar kepada ASNB untuk ASB unit bagi pihak Pelanggan;
- ASNB akan mengeluarkan Sijil ASB;
- Pelanggan akan mencagarkan unit-unit ASB yang tertera melalui Sijil ASB kepada RHB Bank sebagai ejen sekuriti untuk dan bagi pihak RHB Islamic Bank;

3. Apakah yang boleh saya perolehi daripada produk ini ?

- Jumlah amaun pembiayaan : RM 51,256.50
- Margin pembiayaan : 100%
- Tempoh : 30 tahun
- Kadar Asas (KA) : 3.75%
- Kadar Keuntungan Siling (KKS) : 10.25%
- Harga Jualan : RM 165,351.66
- Kadar Keuntungan Efektif (KKE) : 5.30%
- Kadar Semasa:

Kadar Keuntungan	Kadar keuntungan efektif	Tempoh
KA + 1.55%	5.30%	48 bulan
KA + 1.15%	4.90%	312 bulan

Nota:

Jumlah Harga Jualan = Jumlah Pembiayaan + Jumlah Untung Sepanjang Tempoh;


4. Apakah itu Kadar Asas (KA)?

KA yang kami tawarkan untuk produk ini terdiri daripada dua bahagian, penanda aras kos dana (COF) dan kos Keperluan Rizab Berkanun (SRR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Penanda aras kos dana kami mencerminkan kos pendanaan dalaman yang terdiri daripada kos penjanaan dana baru pada kadar pasaran serta kadar promosi dan adalah berdasarkan komposisi purata 12 bulan akaun semasa dan simpanan, deposit tetap dan pasaran wang dengan tempoh sehingga 12 bulan.

5. Apakah senario-senario yang boleh menyebabkan perubahan KA?

KA boleh naik atau turun disebabkan oleh perubahan dalam penanda aras kos dana dan perubahan dalam Keperluan Rizab Berkanun. Perubahan dalam penanda aras kos dana boleh berlaku disebabkan oleh perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR) seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia, dan juga faktor-faktor lain seperti kadar promosi deposit RHB dan strategi pendanaan.

6. Penanda aras kos dana untuk tempoh 2 tahun dan 6 bulan yang lepas:



7. Apakah kewajipan saya?

- Bayaran bulanan anda ialah RM285.00

Penting: Bayaran bulanan dan jumlah pembayaran anda akan berbeza-beza tertakluk kepada perubahan sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Asas (KA).

Kadar	Hari ini (KA = 3.75%)	Jika KA naik 1%	Jika KA naik 2%
Bayaran Bulanan	RM 285.00	RM 317.26	RM 351.40
Jumlah keseluruhan kos keuntungan	RM 44,240.00	RM 54,611.38	RM 65,093.77
Jumlah bayaran keseluruhan	RM 95,496.50	RM 105,867.88	RM 116,350.48

Nota:

- Pihak Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada KKE yang berkaitan dengan Pembiayaan Pelanggan.
- Sijil ASB akan diendorkan dan disimpan dalam jajaan Bank sebagai cagaran kepada pembiayaan yang diberikan.

8. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar ?

a) Duti Setem

Jumlah nominal **RM10.00** (setiap dokumen) seperti yang termaktub di Akta Setem 1949 (Disemak 1989)

b) Fi Pengendorsan

RM 50.00 (termasuk cukai perkhidmatan dan/atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa)

- Fi ini akan di debitkan daripada akaun Pembiayaan Pelanggan pada bayaran bulanan yang pertama. Oleh itu Pelanggan yang menggunakan khidmat arahan tetap (standing instruction) perlulah memastikan akaun Pelanggan mempunyai baki yang cukup bagi tujuan pembayaran fi and caj ini. Bagi Pelanggan yang membuat bayaran bulanan secara berkala, Pelanggan hendaklah memastikan jumlah bayaran bulanan yang pertama disertakan pembayaran mengambil kira untuk menampung pembayaran fi dan caj ini.
- Pihak Bank akan memaklumi Pelanggan sekurang-kurangnya dalam tempoh 21 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj yang berkaitan dengan Pembiayaan Pelanggan.

9. Bagaimana jika saya gagal melaksanakan kewajipan saya?

- Pelanggan hendaklah membayar Ta'widh (ganti rugi) kepada Bank, sejumlah wang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun ke atas ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran dan/atau penyelesaian penuh; ATAU sejumlah wang tidak melebihi kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam BNM ke atas jumlah baki tertunggak pada tarikh matang atau tamat Pembiayaan.
- Menurut Surat Tawaran, Bank berhak menolak selesai baki kredit dari mana-mana akaun yang dimiliki oleh Pelanggan dengan pihak Bank bagi mana-mana baki tertunggak bagi akaun kemudahan ini yang mana pihak Bank akan memberitahu Pelanggan sekurang-kurangnya dalam tempoh 7 hari kalendar lebih awal.
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya Pelanggan gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan. Pelanggan juga dikehendaki menanggung semua kos dan bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan apabila tindakan undang-undang telah dikenakan terhadap Pelanggan.
- Tindakan undang-undang terhadap Pelanggan boleh menjejaskan penilaian kredit Pelanggan di mana ianya menyebabkan kemudahan kredit adalah lebih sukar atau mahal untuk Pelanggan.

Nota: Notis 14 hari akan dikeluarkan oleh pihak Bank sekiranya Pelanggan gagal menjelaskan bayaran bulanan untuk dua (2) bulan berturut-turut. Pelanggan diberikan 14 hari untuk membuat bayaran bulanan yang tertunggak. Sekiranya Pelanggan gagal membuat bayaran selepas tamat tempoh 14 hari tersebut, pihak Bank akan menjual sijil saham ASB tersebut tanpa apa-apa rujukan lagi kepada Pelanggan.

10. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya Pembiayaan sebelum tarikh matang?

Bank hendaklah memberi Ibra' (Rebat) kepada anda apabila anda menyelesaikan baki pembiayaan sebelum akhir tempoh pembiayaan. Penyelesaian sebelum akhir tempoh pembiayaan termasuk, tetapi tidak terhad kepada Liabiliti Mengurangkan Jangka Pelan Takaful / Takaful Gadai Janji (jika berkenaan) yang diambil oleh anda dengan Bank, di mana-mana situasi berikut:

- a) Penyelesaian awal atau penebusan awal oleh anda, termasuk bayaran terdahulu;
- b) Penyelesaian kemudahan pembiayaan disebabkan penstrukturan semula pembiayaan asal;
- c) Penyelesaian dengan anda apabila berlakunya kejadian keingkaran;
- d) Penyelesaian sekiranya berlaku penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang; dan
- e) Jika kemudahan itu adalah berdasarkan kadar berubah, pada perbezaan di antara jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan kadar keuntungan yang ditentukan dalam kontrak (KKS) dan jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif (KKE) apabila keuntungan berdasarkan KKE adalah lebih rendah daripada keuntungan berdasarkan pada KKS.

Ibra' = Keuntungan belum diperolehi - Caj Penyelesaian Awal (jika ada)

Pengiraan Ibra' (rebat) akan merujuk kepada sebarang peraturan, garis panduan, regulasi dan/atau arahan (sama ada atau tidak mempunyai kuasa undang-undang) yang diperlukan atau dikenakan ke atas Bank dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa oleh BNM atau sebarang pihak berkuasa yang mempunyai kuasa ke atas Bank.

11. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan bayaran bulanan melebihi daripada jumlahnya?

Apa-apa pembayaran lebihan bayaran bulanan akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan.

12. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Pelanggan mempunyai pilihan samada untuk mendapatkan Perlindungan Takaful atau tidak. Sekiranya Pelanggan memilih untuk mendapatkan Pembiayaan takaful, kakitangan jualan kami akan memberikan sebut harga bagi takaful yang ditawarkan oleh panel Bank. Walaubagaimanapun Pelanggan bebas mendapatkan perkhidmatan syarikat takaful lain, namun, untuk mengelakkan dari sebarang kelewatan dalam urusan takaful, Pelanggan digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan syarikat takaful dibawah panel Bank.

13. Apakah risiko-risiko utama yang dihadapi dalam produk ini?

Kadar keuntungan bagi Pembiayaan ini adalah berubah-ubah dan disandarkan kepada Kadar Asas (KA) yang boleh menyebabkan pembayaran bulanan yang lebih tinggi. Jika Pelanggan mempunyai masalah memenuhi kewajipan Pembiayaan Pelanggan, hubungi Bank lebih awal untuk membincangkan alternatif bagi pembayaran balik.

14. Adakah permohonan saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Ya, Pembiayaan ini memerlukan sijil ASB Pelanggan dicagarkan sebagai sekuriti.

15. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat dan butiran berkenaan maklumat peribadi saya?

- a) Adalah penting untuk Pelanggan memaklumkan kepada Bank mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi Pelanggan bagi memastikan Pelanggan menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya.
- b) Pelanggan boleh memaklumkan Bank sebarang pertukaran melalui pelbagai saluran seperti laman web, cawangan atau hubungi pusat panggilan Bank di 03-92068118 / 082-276118

16. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- a) Jika Pelanggan mempunyai kesukaran membuat pembayaran balik, Pelanggan perlu menghubungi pihak Bank lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.
- b) Sebagai alternatif, Pelanggan boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu.
- c) Jika pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, Pelanggan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel : 1-300-88-5465, Fax : 03-21741515
e-mail : bnmtelexlink@bnm.gov.my

17. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika Pelanggan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

RHB Islamic Bank Berhad
RHB Centre, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
Tel : 03- 9206 8118 / 082 276 118
Fax: 03 - 9206 8088 / 082 276 088
email: customer.service@rhbgroup.com
Web: www.rhbgroup.com

18. Perakuan

Saya/Kami telah dimaklumkan mengenai keterangan dan manfaat pembiayaan ASNB RHB yang dipohon seperti yang terdapat di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini yang telah diberikan kepada saya / kami.

Tandatangan Pemohon

Tarikh

Tandatangan Pemohon Bersama

Tarikh

Tandatangan Saksi

Tarikh

**PERINGATAN PENTING : SIJIL ASB ANDA BOLEH DITEBUS SEKIRANYA ANDA INGKAR
DALAM PEMBAYARAN PEMBIAYAAN ANDA.**

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah bermula dari 15 May 2019.